

Palapes latih pemimpin pelapis

PERJUMPAAN Menteri Pertahanan, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dengan Kadet Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) atau dikenali sebagai ROTU (Reserve Officer Training Unit) di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) sekitar Lembah Kelang, baru-baru ini berjaya menyuntik semangat kepada mahasiswa terbabit untuk menjadi pemimpin dan peneraju negara pada suatu masa nanti.

Menurut beliau, penubuhan Palapes di IPTA adalah untuk melatih mahasiswa dan mahasiswi dalam ilmu ketenteraan bagi membina insan berdisiplin dan bersemangat waja dengan tujuan menyediakan sumber tenaga daripada kalangan pegawai lepasan universiti bagi angkatan sukarela.

"Wujudnya Palapes telah membantu dalam menghasilkan pegawai sukarela terlatih bagi menerajui Rejimen Askar Wataniah dan pasukan simpanan sukarela perkhidmatan lain.



ZAHID HAMIDI

"Malah, Palapes juga dapat melatih mahasiswa dan mahasiswi dalam bidang ketenteraan demi mengukuhkan pertahanan negara dan ketahanan nasional di samping membantu mendekatkan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) kepada warga universiti khususnya dan masyarakat awam amnya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di Majlis Perjumpaan Dengan Kadet Palapes IPTA Sekitar Lembah Kelang di Dewan Tun Templer, Maktab Tentera Diraja (MTD), Sungei Besi, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Ahmad Zahid menambah, melalui latihan ketenteraan, kadet palapes dapat ditanamkan dengan semangat patriotik, berdisiplin tinggi dan berkebolehan memimpin.

"Saya yakin mahasiswa Palapes adalah golongan terbaik di kalangan mahasiswa lain di universiti dan tidak melakukan perkara yang boleh menjejaskan nama baik ibu bapa dan orang yang pernah berbudi serta berjasa kepada mereka," tegasnya.

Palapes yang ditubuhkan di IPTA sejak 1980 bermula di enam universiti iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Teknologi, Mara (UiTM).

Sehingga kini jumlah Palapes berkembang kepada 20 dan penubuhannya adalah seiring dengan pembangunan keselamatan negara sejajar dengan matlamat kerajaan meningkatkan kekuatan ATM.

Mereka yang terpilih sahaja layak memasuki Palapes untuk menikmati berbagai keistimewaan sebagaimana dinikmati anggota tentera tetap seperti elaun, pakaian seragam, rangsum percuma serta lain-lain kemudahan.

Pengurusan universiti juga menyediakan beberapa keistimewaan antaranya termasuklah kemudahan kolej, jam kredit dan lawatan ke luar negara.